

27.1.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

BEKALAN AIR OPTIMUM UNTUK SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025 DI PULAU PINANG

- **Sungai Muda: paras sungai melebihi tahap “selamat” 2.0m.**
- **3 empangan utama: kapasiti efektif yang mencukupi buat masa ini.**
- **9 loji rawatan air: beroperasi sepenuhnya untuk pengeluaran air terawat yang optimum.**
- **Pasukan respons kecemasan: 24/7 bersedia jika berlaku sebarang insiden.**

PULAU PINANG, Isnin, 27.1.2025: PBAPP akan mengoptimumkan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang semasa musim perayaan Tahun Baru Cina 2025 (CNY 2025) yang bermula dari Rabu (29.1.2025).

Jadual berikut meringkaskan status infrastruktur air utama Pulau Pinang:

Empangan utama	Kapasiti Efektif 26.1.2025
1. Empangan Air Itam	75.2%
2. Empangan Teluk Bahang	60.3%
3. Empangan Mengkuang Diperbesarkan	90.3%

Loji-loji Rawatan Air	Pengeluaran air terawat 2024 (JLH)	Status
1. Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua (SPU)	1,021.2	Beroperasi sepenuhnya untuk pengeluaran air terawat yang optimum
2. LRA Bukit Toh Allang (SPT)	39.1	
3. LRA Bukit Panchor (SPS)	20.2	
4. LRA Air Itam (DTL)	27.3	
5. LRA Bukit Bendera (DTL)	0.6	
6. LRA Guillemard (DTL)	37.2	
7. LRA Waterfall WTP (DTL)	11.5	
8. LRA Batu Ferringhi (DBD)	41.9	
9. LRA Sungai Pinang (DBD)	11.9	
Jumlah	1,210.9	

Sungai Muda & Loji Rawatan Air Sungai Dua (Seberang Perai Utara)

Paras sungai Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang di Seberang Perai Utara (SPU) telah melebihi tahap “selamat” iaitu 2.0m sejak 1.1.2025. PBAPP mengabstrak air mentah dari sungai ini untuk menyokong pengeluaran air optimum di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Pada 2024, LRA Sungai Dua mengeluarkan purata kira-kira 1,021.2 juta liter sehari (JLH) air terawat, yang dibekalkan kepada sejumlah 590,000 pengguna air di Seberang Perai dan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau; serta ke Air Itam, Farlim dan kawasan sekitarnya di bahagian pulau.

Tanpa sebarang kejadian tidak diingini, LRA Sungai Dua akan terus menghasilkan air secara optimum sepanjang tempoh perayaan CNY 2025.

Seberang Perai Tengah & Seberang Perai Selatan

Selain air terawat dari Sungai Dua, LRA Bukit Toh Allang di Seberang Perai Tengah (SPT) akan beroperasi pada tahap optimum untuk membekalkan kira-kira 39.1 JLH di kawasan perkhidmatannya.

Begitu juga, LRA Bukit Panchor bersedia untuk mengeluarkan tambahan kira-kira 20.2 JLH air untuk kegunaan di Seberang Perai Selatan (SPS).

Daerah Timur Laut (bahagian pulau)

Terdapat empat (4) LRA di Daerah Timur Laut (DTL) iaitu di Air Itam, Bukit Bendera, Guillemard dan Air Terjun. 4 LRA ini menghasilkan sejumlah 76.6 JLH air terawat untuk bekalan di semua kawasan di DTL.

Perkhidmatan bekalan air di DTL juga “disokong” oleh aliran masuk air terawat dari LRA Sungai Dua, melalui tiga set saluran paip dasar laut berkembar.

Walaupun kapasiti efektif Empangan Air Itam 2,159 juta liter (JL) tidak optimum, terdapat air yang mencukupi tersedia dari empangan ini untuk musim CNY 2025.

Daerah Barat Daya (bahagian pulau)

LRA Batu Ferringhi dan LRA Sungai Pinang di Daerah Barat Daya (DBD) telah bersedia untuk menyalurkan kira-kira 53.8 JLH air terawat, terutamanya untuk bekalan di kawasan utara dan barat bahagian pulau, Pulau Pinang.

Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang 18,240ML adalah mencukupi pada ketika ini.

Di koridor timur DBD, PBAPP membekalkan air terawat dari LRA Sungai Dua di

kawasan dari Gelugor hingga Gertak Sanggul.

Respons Kecemasan

PBAPP tidak merancang untuk melaksanakan sebarang gangguan bekalan air berjadual (SWSI) semasa musim perayaan CNY 2025.

Sebaliknya, kami telah menggerakkan 200 kakitangan respons kecemasan untuk siap siaga, 24/7, untuk memberi respons terhadap sebarang kejadian yang tidak diduga secepat mungkin. 10 lori tangki PBAPP turut bersedia di seluruh negeri.

Pengguna yang mengalami isu bekalan air diminta untuk membuat laporan melalui Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (no. tel 04 255 8 255). Kakitangan kami akan memberi respons secepat mungkin.

Dengan semua persiapan ini, PBAPP mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada masyarakat Cina di Pulau Pinang.

Teruskan menggunakan air dengan bijak ketika musim perayaan ini. Untuk petua penjimatan air, sila layari www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my